



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA DAN JABATAN STANDARD MALAYSIA

23 MAC 2022

KESELAMATAN RAKYAT DIPERTINGKAT MENERUSI STANDARD BERKAITAN KEMBARA PELANCONGAN (*ADVENTURE TOURISM*)

KLIA, 23 MAC 2022 – Kerajaan mengambil berat dan sentiasa komited kepada usaha berterusan dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat termasuklah dalam aktiviti pelancongan. Selaras dengan bidang pelancongan yang sentiasa mendapat perhatian tinggi daripada rakyat, kembara pelancongan (*adventure tourism*) mampu menawarkan pelbagai aktiviti mencabar seperti meredah hutan, berkayak, berakit, mendaki dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, setiap aktiviti mempunyai risiko dan berpotensi mengancam keselamatan. Bagi menjamin keselamatan dan mengurangkan risiko, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Jabatan Standard Malaysia Berjaya membangunkan **MS ISO 21101 Adventure Tourism – Safety Management Systems – Requirements** yang merupakan dokumen yang boleh menjadi rujukan kepada pengendali aktiviti *adventure tourism* yang menawarkan perkhidmatan ini.

MS yang dibangunkan secara adaptasi standard antarabangsa ISO ini menyediakan garis panduan kepada pengendali pelancongan untuk mengenal pasti risiko sistem pengurusan keselamatan, meningkatkan prestasi keselamatan serta memahami keperluan peserta. Ia juga membantu pengendali pelancongan merancang dan menghadapi risiko sebelum, semasa dan selepas aktiviti.

Sehubungan itu, satu seminar telah diadakan pada hari ini dengan kerjasama antara Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan Jabatan Standard Malaysia untuk memberi panduan terhadap spesifikasi standard kembara pelancongan dan telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya.

Seminar yang disasarkan kepada pihak berkepentingan seperti agensi Kerajaan dan swasta termasuk pemain industri ini bertujuan untuk:

- i. Memberi penerangan yang jelas berkenaan keperluan di dalam MS ISO 21101 – *Adventure tourism - Safety management systems – Requirements*;
- ii. Memberi panduan berkenaan pelaksanaan pensijilan MS ISO 21101 dari aspek prestasi dan amalan keselamatan serta pematuhan kepada keperluan perundangan; dan
- iii. Mengupas tahap risiko keselamatan dan isu-isu berbangkit berkenaan cabaran dan kekangan industri pelancongan dalam era pandemik Covid-19.

Adalah diharapkan dengan penerbitan MS ini akan dapat membantu meningkatkan perkembangan sektor pelancongan di Malaysia, yang akan dapat menarik lebih ramai pelancong tempatan dan asing menyertai aktiviti kembara pelancongan tanpa memperjudikan tahap keselamatan peserta. Sehingga kini, terdapat 4,844 MS yang merentasi pelbagai sektor industri yang telah dibangunkan di bawah MITI melalui Jabatan Standard Malaysia.

-TAMAT-

Jabatan Standard Malaysia

Mengenai Jabatan Standard Malaysia

Tertakluk di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996. Standards Malaysia adalah Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosi Standards Malaysia (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan seperti makmal pengujian, badan pensijilan dan badan pemeriksaan.

Fokus utama perkhidmatan adalah untuk mengembangkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan mendorong pertumbuhan ekonomi negara melalui aktiviti standardisasi, akreditasi dan pensijilan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.jsm.gov.my, Facebook: STANDARDS MALAYSIA, Twitter: STANDARDS_MY dan Instagram: standards_my

Unit Komunikasi Strategik

Jabatan Standard Malaysia

Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI)

Tel.: 03-8008 2891 Fax: 03-8008 2901

Emel: noor_hidayah@jsm.gov.my